

Paksi

Sri Nabilah Basri



Panduan Pengajaran dan Pembelajaran

Paksi

Sri Nabilah Basri

PENGENALAN

Berikut merupakan saranan aktiviti pembelajaran untuk mencapai objektif pelajaran yang dirancang. Aktiviti-aktiviti ini memberi peluang kepada pelajar untuk mengalami dan menghayati pengalaman sendiri apabila menjalankan aktiviti perbandingan dan perbincangan di dalam bilik darjah. Di samping itu, dengan meneliti struktur karya ini, para pelajar dapat berjinak-jinak dengan pendekatan Analisis Struktural, suatu pendekatan atau kemahiran yang sangat diperlukan khususnya bagi pelajar yang mengambil subjek Sastera. Bagi mencapai objektif pelajaran yang terakhir, guru boleh menggunakan pendekatan berfokus yang memberi tumpuan terhadap penghasilan perleraan cerita (rujuk konsep plot dalam penulisan).

OBJEKTIF PELAJARAN	Pada akhir pelajaran, pelajar dapat: <ul style="list-style-type: none">Meneliti aspek-aspek sastera yang terkandung di dalam cerpen (kemahiran membaca);Mengait, membanding dan membincangkan pengalaman watak-watak utama dalam cerpen dengan pengalaman peribadi (kemahiran mendengar dan bertutur); danMembina lanjutan kepada cerpen <i>Paksi</i> berdasarkan daya imaginasi masing-masing (kemahiran penulisan).
---------------------------	---

LANGKAH-LANGKAH (PRAPELAJARAN)

- Guru menggunakan pendekatan Flipped Learning yang membolehkan pelajar membaca dan mencerakin cerpen di rumah.
- Guru boleh berikan pelajar tugas dalam talian yang meminta pelajar mencatat aspek-aspek sastera yang telah mereka cungkil. Sertakan juga beberapa soalan perbincangan supaya pelajar bersedia untuk berbincang di dalam bilik darjah.

Langkah 1: Aktiviti Cerakinan

Contoh 1: Penghasilan Platform Interaktif

- Guru menggunakan *Interactive Thinking Tool* (ITT) di platform SLS atau membuka ruang bincang di *Padlet* yang membolehkan setiap individu pelajar menyumbang 1 respon dan membina informasi bagi setiap aspek sastera (tema, persoalan, watak, perwatakan, perutusan, pengajaran dsbnya). Respon setiap pelajar sebaiknya boleh dibaca oleh semua pelajar lain supaya tiada perulangan yang berlaku. Ini bakal melancarkan proses perbincangan di dalam bilik darjah.

Contoh 2: Penggunaan Penyusun Grafik

- Guru boleh memberikan salinan penyusun grafik kepada pelajar untuk diisi sambil mereka membaca dan mencerakin cerpen Paksi. Penyusun grafik ini berfungsi sebagai bahan yang merakam pemahaman pelajar. Guru boleh menggunakan penyusun grafik ini di dalam bilik darjah (boleh dipancarkan) sewaktu menjalankan perbincangan beramai-ramai.

Langkah-langkah (Sewaktu Pelajaran)

- Sebagai lanjutan bagi tugasan individu yang dijalankan sewaktu Flipped Learning, guru boleh membentuk kumpulan kecil pelajar, seeloknya 4 atau 5 pelajar dalam setiap kumpulan. Ini bagi memberi ruang kepada guru menjalankan kegiatan seterusnya yang memerlukan setiap anggota menjadi jurucakap bagi kumpulan mereka apabila bertemu dengan anggota daripada kumpulan lain. Setiap anggota boleh diberikan label A / B / C / D / E. Ini bermaksud bahawa setiap kumpulan mempunyai anggota A-E. Misalnya, pelajar A1 merujuk kepada pelajar A daripada kumpulan 1, pelajar C4 merujuk kepada pelajar C daripada kumpulan 4, dan seterusnya.

Langkah 1: Membentuk Kumpulan Pakar

- Di dalam Kumpulan Pakar masing-masing (Kumpulan 1 / 2 / 3 / 4) guru boleh mengekhaskan setiap kumpulan untuk membincangkan semula ketepatan maklumat yang telah mereka cerakin sewaktu tugasan Flipped Learning. Setiap kumpulan perlu membincangkan hanya satu atau dua aspek sahaja, contohnya, kumpulan 1 perlu melihat semula dan mendalami ketepatan informasi berkaitan tema/persoalan, kumpulan 2 untuk menjadi pakar bagi aspek watak/perwatakan, kumpulan 3 pakar bagi aspek unsur plot dan kumpulan 4 menjadi pakar bagi aspek pengajaran. Kumpulan perlu memperbetulkan fakta dengan menulis semula informasi yang tepat ini pada kertas sebak. (Nota: Berapa banyak kumpulan bergantung pada berapa banyak masa yang ada untuk membincangkan aspek-aspek sastera yang menjadi tumpuan bagi pelajaran tersebut).

Langkah 2: Aktiviti Kafe Jagat

- Guru boleh mengumpulkan pelajar semula menjadi kelompok baru berdasarkan huruf A / B / C / D. Andaikan tapak perbincangan kumpulan pakar tadi sebuah kafe, kelompok-kelompok baru ini boleh bergerak bersama ke kafe-kefe ini. Di setiap kafe 1 (tapak perbincangan kumpulan 1, pelajar A1 / B1 / C1 / D1 boleh memberi keterangan terperinci tentang aspek tema/persoalan. Di kafe 4, pelajar A4 / B4 / C4 / D4 boleh memberikan keterangan terperinci tentang aspek pengajaran. Setelah selesai melawat semua kafe, pelajar boleh kembali ke kumpulan pakar mereka yang asal dan berkongsi dapatan mereka. Di sini, setiap pelajar akan berpeluang untuk bersuara dan berkongsi pandangan mereka.

Langkah 3: Aktiviti Meja Bulat / Simulasi

- Guru boleh melanjutkan perbincangan dengan membangkitkan senario-senario berbeza yang disentuh dalam cerpen bagi perbincangan berkumpulan. Setiap kumpulan boleh membincangkan satu senario secara khusus dan fikirkan apakah mungkin reaksi/respon yang bersesuaian oleh individu-individu yang berbeza dalam situasi tersebut.

Langkah 4: Pembentangan dan Teknik Inkuiiri

- Setiap kumpulan boleh menghantarkan seorang atau dua wakil untuk ke depan kelas untuk berkongsi hasil perbincangan dengan kelas. Guru perlu menetapkan setiap kumpulan lain bertanyakan sekurang-kurangnya satu soalan kepada kumpulan ini bagi menggalak pelajar menimbulkan daya refleksi dan berfikir secara kritis. Dengan menggalakkan pelajar yang berfungsi sebagai pendengar/penonton bertanyakan soalan, guru mendedahkan pelajar kepada kemahiran melakukan tinjau siasat.

Langkah 5: Aktiviti Improvisasi

- Bagi bahagian terakhir ini, guru boleh kaitkan dengan kemahiran menulis pelajar, dengan memberi fokus hanya pada proses pembinaan peleraian cerita sahaja. Cerpen Paksi sedikit tergantung, dengan keadaan sebenar watak Hasnul kurang diterangkan pada bahagian akhir cerita, dan watak Rizal yang tidak tahu bahawa rakan baiknya hilang daya ingatan. Guru boleh menggalakkan pelajar membuat improvisasi pada bahagian akhir cerita dengan meminta mereka membina kesudahannya apabila kedua-dua watak ini bertemu di hospital.


Contoh Lampiran 1: Aspek-aspek Sastera

Tema	Pegangan yang kukuh		
Persoalan	<p>1) Kesungguhan dalam melaksanakan ses sebuah tanggungjawab/urusan</p> <ul style="list-style-type: none"> - Rizal yang sangat prihatin terhadap keadaan dan kesihatan sahabatnya, Hasnul. - Penglibatan Hasnul yang sungguh-sungguh dalam bidang bola sepak. - Cik Melati yang menjalankan tanggungjawabnya sebagai seorang ibu untuk menguruskan anak yang kemalangan / menuntut hak anak yang kemalangan. <p>2) Kepercayaan terhadap sistem pengurusan di sekolah</p> <ul style="list-style-type: none"> - Rizal sangat percaya bahawa pihak sekolah bertanggungjawab dalam melindung dan menjaga kemaslahatan pelajar. - Keluarga Hasnul kurang percaya bahawa pihak sekolah memberi sepenuh perhatian terhadap individu yang mengalami kemalangan di dalam kawasan sekolah. 		
Watak / Perwatakan	1) Rizal 2) Hasnul 3) Cik Melati	a) Prihatin b) Bertanggungjawab c) Matang <small>*Pelajar harus sertakan contoh-contoh yang bersesuaian.</small> a) Bersungguh-sungguh / bercita-cita tinggi b) Berkemahiran dalam bidang bola sepak c) Degil <small>*Pelajar harus sertakan contoh-contoh yang bersesuaian.</small> a) Tabah b) Bersantun c) Tidak mudah menghukum <small>*Pelajar harus sertakan contoh-contoh yang bersesuaian.</small>	
Pengajaran*	1) Kita perlu menjadi sahabat yang setia, yang ada di samping rakan kita pada masa senang dan susah. Contoh: 2) Kita perlu bijak membuat keputusan supaya tidak mendatangkan bahaya pada diri sendiri. 3) Kita perlu berfikir masak-masak sebelum mengambil sebarang tindakan yang boleh mendatangkan masalah di kemudian hari. <small>*Pelajar harus sertakan contoh-contoh yang bersesuaian.</small>		

Unsur Plot	Imbas Kembali Suspens/ Ketegangan Konflik	Bahagian ini dapat dilihat apabila Rizal secara kerap akan mengenang kembali kejadian kemalangan yang menimpa diri Hasnul di padang bola di sekolah mereka. Kejadian kemalangan yang berlaku ke atas Hasnul tidak diceritakan secara terang-terangnya. Penceritaannya terputus-putus, diselang-selikan dengan babak majlis doa selamat yang berlangsung di rumah Cik Melati. Konflik dalam cerpen <i>Paksi</i> dapat dilihat dalam dua bahagian ini: <ul style="list-style-type: none"> - Apabila Rizal berselisih pendapat dengan Hasnul bahawa perbuatannya mengejar posisi di dalam pasukan bola sepak salah kerana dia perlu mengutamakan kesihatannya. - Apabila Rizal berpendapat bahawa pihak sekolah sudah menjalankan langkah-langkah yang sepatutnya untuk menangani situasi kemalangan itu, berbanding pendapat masyarakat umum yang berfikiran bahawa pihak sekolah tidak bertanggungjawab.
-------------------	--	---

Nota: Guru boleh padamkan butiran berwarna merah apabila memberikan jadual/susunan grafik kepada pelajar.

Contoh 2: Ilustrasi Kumpulan Pakar / Kafe Jagat



Contoh Lampiran 3: Senario-Senario bagi Aktiviti Simulasi


Senario 1	Senario 2	Senario 3	Senario 4
<p>Beberapa orang pelajar yang kerap menggunakan padang bola sepak di sekolah mendapati bahawa tiang gol yang tersedia sudah berkarat dan tidak berpaksi kukuh pada tanah.</p> <p>Apakah mungkin pandangan pelajar / ibu bapa / guru terhadap situasi ini? Mengapa?</p>	<p>Sebuah kemalangan yang melibatkan seorang pelajar berlaku di dalam kawasan sekolah pada luar waktu kurikulum. Pelajar itu mengalami kecederaan fizikal yang serius.</p> <p>Apakah yang boleh dilakukan pelajar lain / ibu bapa / guru apabila berdepan dengan situasi ini? Mengapa?</p>	<p>Seorang pelajar mempunyai penyakit kronik yang berpanjangan. Pelajar ini suka melibatkan diri dalam kegiatan lasak walaupun diketahui umum bahawa dia tidak sepatutnya melakukan demikian.</p> <p>Apakah yang boleh dilakukan pelajar lain / ibu bapa / guru untuk menangani masalah sebegini? Mengapa?</p>	<p>Sebuah kejadian malang telah menimpa salah seorang pelajar dan kamu menjadi saksi kejadian itu. Berita dan imej di sekitar kejadian itu menular di media sosial dalam masa beberapa jam sahaja.</p> <p>Apakah yang seharusnya dilakukan oleh kamu / ibu bapa mangsa / pihak sekolah dalam situasi sebegini. Mengapa?</p>

Lampiran 4: Templat bagi Penulisan Peleraian Cerpen

Penutup/Perleraian Cerpen Paksi

Arahan: Lanjutkan penulisan cerpen *Paksi* dengan memberi fokus terhadap menutup / meleraikan klimaks cerita.
 Penutup/perleraian cerita kamu perlu memberi tumpuan terhadap perkara-perkara berikut:

- 1) Pertemuan semula antara Rizal dengan Hasnul
- 2) Pengajaran / nilai yang diraih melalui cerita
- 3) Penegasan semula tajuk.



SOALAN PERBINCANGAN

1. Berikan pandangan kamu tentang watak Hasnul dalam cerpen ini.
2. Haruskah Rizal dijadikan contoh oleh para remaja masa kini. Jelaskan.
3. Apakah yang akan kamu lakukan jika kamu berada dalam situasi Cik Melati? Mengapa?

SOALAN JENIS SASTERA

1. Plot penulisan cerpen ‘Paksi’ agak menarik. Setujukah kamu dengan pernyataan ini?
2. Gaya bahasa yang digunakan dalam cerpen ‘Paksi’ merupakan antara kekuatan pada cerpen ini. Setujukah kamu dengan pernyataan ini?

EHWAL SEMASA

Pihak sekolah sentiasa menjalankan tanggungjawabnya dalam memelihara kemaslahatan pelajar. Apakah peranan atau sumbangan yang boleh remaja lakukan dalam menyokong usaha yang dijalankan oleh pihak sekolah? Bincangkan.